

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HIS 401 - Fiqah Al-Munakahat: Perkahwinan dan  
Kekeluargaan Islam

---

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan. SOALAN NO. 1 adalah WAJIB dan DUA (2) soalan yang lain.

Telitikan semua tuntutan setiap soalan yang dipilih dengan cermat, sebelum anda menjawab.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Perkataan *لتعارفوا* dalam ayat 13, surah al Hujurat, membawa pengertian yang luas dalam konteks perkahwinan dan kekeluargaan. Bersesuaian dengan konsep Islam iaitu: membina kebaikan dan kemaslahatan serta mengilak kerusakan dan kepalsuan. Nyatakan hikmah perkahwinan dan kekeluargaan yang ada kaitan dengan perkataan tersebut.
- (b) Perkahwinan dalam Islam merupakan amanah yang membawa maksud kebahagiaan pasangan suami-isteri dan keluarga. Nyatakan dengan jelas, amanah Allah yang berkenaan sepertimana yang terdapat di dalam surah al Rum ayat 21, khusus mengenai perkataan-perkataan berikut:
  - i. *لتسكنوا اليها*
  - ii. *مودة*
  - iii. *رحمة*
2. (a) Jelaskan bentuk pengajaran dari maksud hadis: "Wanita-wanita yang menjadi isteri, diibaratkan seperti tulang rusuk yang bengkok dan rapuh".

(b) Firman Allah dalam surah al Nisa ayat 34,

الرجال قوا مؤا على النساء

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan مؤا yang terdapat di dalam ayat tersebut?
  - ii. Kepimpinan keluarga memerlukan budibicara yang bijak, kasih sayang dan sifat belas kasihan dari para suami (maksud surah al Rum ayat 21 dan maksud hadis استوصوا بالنساء خيرا Manakala ayat 34 surah al Nisa pula, mengharuskan suami memukul isteri. Bincangkan dengan jelas dan terperinci maksud nas-nas di atas, berdasar kepada konsep Islam tidak membenarkan 2 perkara yang diminta lakukan, membawa hukum yang bertentangan.
3. Dr. Muhammad Hatta Shaharom dalam bukunya "Psikologi Keluarga: Ke Arah Rumahtangga Bahagia", menulis mengenai tajuk-tajuk berikut, dan beliau menekankan pandangan Islam tentang beberapa aspek psikologi yang berhubungan dengan perkahwinan dan kekeluargaan. Pilih satu (1) tajuk sahaja dan huraikan isu-isu penting yang ditekankan oleh penulis dalam tajuk yang anda pilih.
- (a) Perkahwinan dan Jiwa Rumahtangga.
  - (b) Personaliti dan Jiwa Individu.
  - (c) Kekeluargaan dan Jiwa Keluarga.
  - (d) Pengaruh Keluarga dan Jiwa Kanak-Kanak.
  - (e) Krisis Keluarga dan Tekanan Jiwa.
4. Pilih satu (1) bahagian sahaja, dan bincangkan dengan jelas, semua tajuk yang terkandung dalam bahagian yang anda pilih.
- (a) Bahagian Pertama:
    - i. Perkahwinan menurut Enakmen Keluarga Islam di Malaysia,
    - ii. Poligami atau poligini.
  - (b) Bahagian Kedua:
    - i. Kuasa Wali,
    - ii. Keengganan Wali,
    - iii. Kemampuan Gadis Mengahwinkan Dirinya Sendiri.

(c) Bahagian Ketiga : Pembubaran Perkahwinan Menurut Enakmen Keluarga Islam di Malaysia

- i. Khulu,
  - ii. Cerai Taklik,
  - iii. Fasakh,
  - iv. Li'an.
- lla

5. Huraikan dengan terperinci maksud tajuk-tajuk berikut, berdasar kepada buku "Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia".
- (a) Perkahwinan lari dan
  - (b) Harta Sepencarian
6. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Zihar" dalam undang-undang keluarga Islam?
- (b) Sebutkan syarat-syarat yang mewajibkan suami membayar kaffarah Zihar.
  - (c) Kaffarah zihar menunjukkan bahawa perbuatan zihar merupakan perkara yang dilarang oleh Islam. Nyatakan rahsia dan hikmah disebalik larangan tersebut.

-oooOOOooo-